

Israel tidak adil tekan Arafat — PM

UM - 7 DEC 2001

KUALA LUMPUR 6 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, adalah tidak adil sama sekali tindakan Israel meletakkan tanggungjawab ke atas Presiden Palestin Yasser Arafat untuk mengawal orang-orangnya yang selalu terdedah kepada serangan rejim Zionis itu.

Perdana Menteri berkata, apabila Israel membunuh orang-orang Palestin, membunuh anak-anak, saudara mara dan kawan-kawan mereka, maka timbullah perasaan marah yang tentunya mendorong sebilangan untuk mengambil undang-undang di tangan sendiri.

"Dan mereka (Israel) hendak balas dendam dengan menyerang dan cuba membunuh Arafat sendiri yang dituduh sebagai pengganas.

"Apa dayanya (Arafat) untuk membendung keganasan sedangkan orang Israel mengganas terhadap orang Palestin yang tidak ada satu tindakan pun dikenakan terhadap Israel," katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas kejadian berbalas-balas serangan antara rakyat Palestin dengan rejim Zionis Israel yang semakin serius sejak Sabtu lalu.

Perdana Menteri berkata, Israel terus menerus melancarkan serangan ketenteraan ke atas Palestin mungkin kerana negara tersebut mendapat sokongan kuasa-kuasa besar.

Ditanya sama ada campur tangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) diperlukan untuk menyelesaikan sengketa tersebut, Perdana Menteri berkata, ia tidak akan membawa apa-apa hasil.

"Kalau ke PBB pun, kita tahulah Majlis Keselamatan (SC) tidak akan membenarkan apa-apa tindakan diambil (ke atas Israel) kerana mereka mempunyai kuasa veto," ujar beliau.

Dr. Mahathir juga diminta mengulas lanjut ucapan perutusan Belanjawan 2002 di Dewan Negara sebelum itu yang menyentuh mengenai komitmen kerajaan yang tidak mahu menjadikan Malaysia sebagai Afghanistan kedua.

"Kita nampak ada sesetengah orang kita sendiri yang kelihatan tidak senang dengan keamanan dalam negara kita.

"Mereka ingin melakukan cara yang terdapat di Afghanistan. Mereka belajar di sana dan balik ke sini nak melakukan pemberontakan sama seperti di sana," kata Perdana Menteri.

Dr. Mahathir berkata, walaupun kerajaan dapat menahan beberapa orang daripada mereka, tetapi ada di antaranya yang belum dapat dikesan dan ada juga yang telah dibebaskan.

Mengenai tindakan bekas Gabenor Wilayah Autonomi Islam Minda-
nao (ARMM), Nur Misuari, yang melarikan diri ke Malaysia, Perdana Menteri berkata, tindakan itu menjejaskan hubungan negara ini dengan Filipina.

Beliau berkata, tindakan Misuari itu meletakkan Malaysia menjadi perhatian dunia.

"Misuari meletakkan Malaysia dalam keadaan serba salah. Mengapa dia tak lari ke negara lain. Dia gaduh di sana, dia lari ke Malaysia. Ia hanya menjejaskan hubungan kita dengan negara jiran," katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia bersedia untuk menghantarnya balik, tetapi dia hendaklah diterima

oleh Filipina.

"Kalau dia dihantar balik dan dilepaskan begitu saja, tentulah tak guna. Sebab itu kita akan berunding dengan Filipina untuk menghantarnya balik," katanya.

Dr. Mahathir berkata, kalau Misuari tidak diterima oleh Filipina, kerajaan terpaksa memikirkan semula statusnya *in*emandangkan dia tidak melakukan apa-apa jenayah di negara ini.

Ditanya apakah kerajaan akan membebaskan Misuari, beliau berkata, kerajaan berharap tidaklah sampai ke peringkat itu kerana tidak mahu 'orang kata kita subahat dengan pengganas pula.'

Ditanya sama ada Misuari ada meminta suaka politik kepadanya, Perdana Menteri berkata, perkara itu tidak ada.

Misuari pernah disoal siasat pada awal penahanannya kerana kerajaan mahu tahu punca pemberontakan dan sama ada beliau terlibat dalam penculikan di Sipadan, kata Perdana Menteri.